

Majlis Pelancaran MS 2701:2018 - Civil Engineering
Standard Method of Measurement

TARIKH: 08 JANUARY 2019

MASA: 10.00 AM

TEMPAT: THE PACIFIC SUTERA HOTEL, KOTA KINABALU, SABAH

SALUTATIONS

Salam sejahtera dan Selamat Pagi kepada ;

Y.B. TUAN BARU BIAN

Menteri Kerja Raya

Y.BHG. DATO' IR. AHMAD 'ASRI BIN ABDUL HAMID

Ketua Pegawai Eksekutif

Construction Industry Development Board (CIDB)

Y.BHG. DATO' SRI ZOHARI BIN HJ AKOB

Ketua Setiausaha

Kementerian Kerja Raya

Y.BHG. DATO' ISHAM BIN ISHAK

Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI)

Y.BHG. DATUK FADILAH BAHARIN

Ketua Pengarah

Jabatan Standard Malaysia

YBrs. DATUK IR ABDUL KADIR MOHD DIN

Pengerusi,

Jawatankuasa Pembangunan *Malaysian Standard Civil Engineering Standard Measurement Method (MSCESMM)*

Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Negeri Sabah,

Tan Sri, Dato' Seri, Dato, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

INTRODUCTION

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada CIDB dan Standards Malaysia kerana telah berjaya menghasilkan dokumen **MS 2701:2018 - Malaysian Standards Civil Engineering Standard Measurement Method (MSCESMM)**. Standard ini dahulunya merupakan satu garis panduan dan kini telah dinaik taraf menjadi dokumen standard kebangsaan sebagai rujukan utama bagi industri pembinaan di Malaysia.

Tahniah juga kepada Jawatankuasa Pembangunan Standard MSCESMM ini yang telah dipengerusikan oleh Datuk Ir Abdul Kadir Mohd Din.

Saya mengambil maklum, proses kerja membangunkan MS ini telah dimulakan pada tahun 2016 lagi dan baru sahaja diluluskan Menteri pada bulan **Ogos 2018** yang lalu. Sebagai standard kebangsaan, pembangunan MS ini adalah tertakluk kepada **Code of Good Practice in Annex 3 of WTO TBT Agreement and ISO/IEC Guide 59** yang mematuhi amalan baik pembangunan standard di peringkat antarabangsa. Ini menjadikan dokumen MS ini sebuah dokumen standard yang kredibel dan bertaraf antarabangsa.

KEY POINT #1: Pembangunan MS 2701:2018 Malaysian Standards Civil Engineering Standard Measurement Method (MSCESMM)

SPEAKING POINTS

Tan Sri, Dato' Seri, Dato, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

- Untuk makluman, pembangunan MS 2701:2018 ini adalah di bawah Kumpulan Kerja (*Working Group, WG/D/27-1*) *Malaysian Standard Civil Engineering Standard Method of Measurement* yang dianggotai oleh **21 organisasi**.
- Antaranya adalah *Association of Consulting Engineers Malaysia (ACEM), Board of Engineers Malaysia, Board of Quantity Surveyors Malaysia, CIDB, Jabatan Kerja Raya Malaysia, Master Builders Association Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia, Gamuda Berhad, Indah Water Konsortium Sendirian Berhad* dan beberapa lagi seperti mana yang telah direkodkan di dalam MS 2701:2018 ini.

- Kumpulan kerja ini diselia oleh sebuah Jawatankuasa Teknikal Amalan Binaan (*Construction Practices*) yang ditubuhkan di bawah infrastruktur pembangunan standard kebangsaan yang ditadbirurus oleh Standards Malaysia, sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).
- Dalam proses pembangunan standard, prinsip-prinsip utama yang perlu dipatuhi adalah **consensus**, keterbukaan (**openness**), telus (**transparent**) dan **performance based**.
-

KEY POINT #2: Peranan Standards Malaysia dalam infrastruktur pembangunan standard kebangsaan

Tan Sri, Dato' Seri, Dato, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

- Sebagai badan standard kebangsaan yang berperanan membangunkan MS dan mempromosikan penggunaannya Standards Malaysia telah membangunkan sejumlah **5398 MS** sehingga 31 Disember 2018. Daripada jumlah ini, **363 MS** daripadanya adalah dibangunkan oleh Jawatankuasa Standard Kebangsaan berkenaan ***Buildings, Construction and Civil Engineering***.
- Sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam membangunkan standard kebangsaan, Standards Malaysia juga mewakili Malaysia dalam pembangunan standard antarabangsa di ***International Organization for Standardization*** (ISO), dan ***International Electrotechnical Commission*** (IEC). Ini adalah bagi memastikan standard antarabangsa yang dibangunkan di peringkat tersebut akan mengambilkira kepentingan negara. Ini adalah penting kerana standard juga digunakan di dalam pelbagai akta dan peraturan teknikal yang memberi kesan *non-tariff barriers* kepada perdagangan terutamanya perdagangan antarabangsa
- Sehingga kini, Malaysia telah menjadi ahli P (Participating) dalam 154 jawatankuasa teknikal ISO dan 38 jawatankuasa teknikal IEC. Menjadi ahli P bermaksud Malaysia mempunyai hak untuk memberikan input

dan undian ke atas sesuatu standard antarabangsa ISO atau IEC yang dibangunkan dan ini merupakan satu mekanisme yang digunakan bagi memastikan kepentingan Negara terpelihara dan Negara akan beroleh manfaat sekiranya standard tersebut digunakan terutama di dalam aspek perdagangan, perlindungan keselamatan dan kesihatan Rakyat serta perlindungan alam sekitar.

KEY POINT #3: Galak Penyertaan Pakar Tempatan Dalam Pembangunan Standard

SPEAKING POINTS

Para hadirin sekalian,

- Saya ingin menyeru agar lebih ramai tenaga pakar tempatan untuk turut serta dalam pembangunan standard di Malaysia melalui Standard Malaysia, dengan penglibatan sama ada di peringkat Jawatankuasa Standard Kebangsaan, Jawatankuasa Teknikal mahupun peringkat Kumpulan Kerja, agar standard-standard yang dibangunkan di Malaysia adalah relevan, dan dapat digunakan oleh semua pihak.
- Sesungguhnya, kualiti dan penerimaan sesuatu standard yang dibangunkan itu adalah bergantung kepada penyertaan aktif daripada pelbagai wakil yang kompeten seperti agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan, syarikat-syarikat swasta yang terlibat, institusi-institusi penyelidikan dan pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan yang berkenaan kerana segala input yang diberikan oleh semua pihak amatlah penting dalam mencapai satu konsensus di peringkat kebangsaan terhadap standard yang dibangunkan.

KEY POINT #4: Menyebarkan penggunaan MS 2701:2018

SPEAKING POINTS:

Para hadirin sekalian,

- Seperti yang terkandung dalam program pada hari ini, kita akan sama-sama menyaksikan beberapa pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) di antara **CIDB** dengan **Borneo Highway PDP**

Sdn Bhd, Universiti Malaysia Sabah dan Jabatan Pendidikan Politeknik.

- Saya yakin dengan termeterai MoU ini nanti, program-program latihan dan aktiviti promosi penggunaan MS 2701:2018 ini akan dapat dirancang dan dilaksanakan supaya penggunaannya dapat disebarluaskan untuk dijadikan rujukan utama dalam kejuruteraan awam dan infrastruktur di Malaysia.
- Saya yakin, MS ini kelak akan banyak memberi manfaat kepada industri pembinaan negara.

ROUNDUP

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan ribuan terima kasih kepada CIDB, Standards Malaysia, Agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri Sabah yang bersama-sama membantu menjayakan majlis pada hari ini.

Sukacitanya saya merasmikan **Majlis Pelancaran MS 2701:2018 (Civil Engineering Standard Method of Measurement)**.

Sekian, terima kasih.